



**Pegawai sedang berkhidmat di Universiti Putra Malaysia serta individu yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:**

### **TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)**

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi.

Taraf Lantikan : Kontrak.

Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Gaji dan Imbuhan : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

### **SYARAT PERMOHONAN**

- 1) Calon ialah warganegara Malaysia.
- 2) Calon hendaklah berumur antara 40 hingga 55 tahun.
- 3) Calon hendaklah mempunyai pengalaman luas sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang berkaitan, khususnya dalam pengurusan kanan serta aspek pentadbiran organisasi.
- 4) Calon berkeupaayan untuk menyumbang secara signifikan dalam usaha membantu memodenkan dan memajukan sektor pertanian negara.
- 5) Calon hendaklah bebas daripada sebarang aduan atau kesalahan tatatertib serta telah lulus saringan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

## KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

i) **Kewibawaan dan Kecemerlangan Akademik**

Calon mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, calon mestilah mendapat *command of respect* dalam kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat akademik.

ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**

Calon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pengiktirafan daripada organisasi terkemuka luar negara.

iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Calon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik.

iv) **Reputasi**

Menjadi teladan (*role model*) kepada semua peringkat staf, memiliki pengalaman luas serta rekod pencapaian terbukti dan disanjung serta dihormati oleh warga kampus dan luar.

iv) **Personaliti**

- Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, mampu bekerjsama dalam pasukan serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara dalam usaha membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama;
- Calon hendaklah mempunyai integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan kuasa yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan semua program dan inisiatif dilaksanakan secara telus berlandaskan prinsip integriti yang tinggi; dan
- Calon mestilah mempunyai perwatakan yang dinamik, bertanggungjawab dan komited terhadap tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan.

## **KRITERIA KHUSUS**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

**I. Keupayaan Menyelaras dan Mendapatkan Pembiayaan Industri**

Calon mestilah berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan luar seperti endowmen, tajaan, geran industri dan sumbangan lain daripada pelbagai pemegang taruh. Calon juga bertanggungjawab membina rangkaian yang kukuh dengan sektor industri, mengenal pasti peluang kerjasama strategik dan memacu kolaborasi universiti-industri dalam pelbagai bentuk seperti penyelidikan gunaan dan inovasi, pengkomersialan hasil penyelidikan, pemindahan teknologi dan kepakaran, program akademik bersama serta latihan profesional demi menjana pulangan kepada universiti;

**II. Keupayaan Mengurus Program Perundingan dengan Agensi Kerajaan dan Swasta**

Calon hendaklah memiliki keupayaan yang mantap dalam merancang, memperluas dan mempergiat program perundingan profesional dengan agensi kerajaan, badan berkanun dan sektor swasta. Tujuannya adalah untuk memastikan kerjasama dua hala yang lancar dan memberi manfaat timbal balik serta menjana pendapatan institusi melalui kepakaran yang dimiliki oleh universiti.

**III. Jaringan Hubungan yang Luas di Peringkat Nasional dan Antarabangsa**

Calon mestilah mempunyai jaringan profesional yang aktif dan strategik di peringkat dalam dan luar negara khususnya dengan pihak industri, agensi pembangunan, serta pembuat dasar. Jaringan ini bertujuan memperluas peluang bagi mobiliti staf akademik dan pelajar, program pertukaran, penyelidikan bersama, serta latihan bertaraf antarabangsa.

**IV. Keupayaan Mengurus Program Jaringan Industri dan Masyarakat**

Calon bertanggungjawab memacu pembangunan program jaringan industri dan masyarakat universiti secara menyeluruh, termasuk mengenal pasti, merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan program tersebut. Tujuannya adalah untuk memastikan program pengajaran serta aktiviti-aktiviti penyelidikan universiti kekal relevan, responsif, berpandukan aspirasi semasa dan menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan komuniti. Dalam masa yang sama, calon juga perlu menunjukkan kepakaran dan pengalaman dalam merancang serta melaksanakan program seperti program latihan industri (*internship*), mobiliti pelajar serta pembelajaran berasaskan kerja (*Work-Based Learning*) yang bertujuan meningkatkan nilai graduan dan memperkuuh hubungan strategik antara universiti dan industri.

**V. Keupayaan Menggerak dan Menerajui Penerapan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Memfokus Aspek Sosial, Alam Sekitar dan Governan/ Tatakelola (EDG)**  
Calon hendaklah mempunyai keupayaan untuk mempergiatkan penerapan dan pembudayaan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) secara proaktif, sistematik dan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan serta pembangunan institusi yang lestari termasuk pengurusan perladangan lestari. Penekanan khusus perlu diberikan kepada aspek sosial, alam sekitar dan tadbir urus (ESG) agar prinsip-prinsip kelestarian ini dapat dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga kampus. Ini termasuk :

- Membangun serta memperkuat jaringan strategik dengan industri dan komuniti sebagai pemangkin kepada kelestarian dan pemindahan ilmu;
- Mengawal selia semua hal ehwal perkhidmatan, tanah dan aset secara berintegriti dan lestari; serta
- Memastikan pelaksanaan dasar dan inisiatif pembangunan universiti berpaksikan nilai kelestarian sejagat.

## CARA MEMOHON

- 1) Permohonan hendaklah dikemukakan melalui **borang yang disediakan** beserta **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** dengan maklumat berkaitan pengalaman, kepimpinan dan pencapaian calon;
- 2) Calon juga dikehendaki mengemukakan kertas cadangan serta pencapaian semasa serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik;
- 3) Borang permohonan dan *Curriculum Vitae (CV)* perlu dikemukakan dalam dua bentuk iaitu secara fizikal dan digital bagi tujuan saringan awal;
- 4) Semua dokumen permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **4 Ogos 2025 (Isnin)** ke alamat berikut:

**Dokumen fizikal:** Bahagian Governan dan Integriti  
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
**SELANGOR**  
**(u.p: Encik Azizi bin Ismail)**

**Dokumen digital:** [kb\\_bgi@upm.edu.my](mailto:kb_bgi@upm.edu.my) / [idasu@upm.edu.my](mailto:idasu@upm.edu.my)

- 5) Hanya permohonan yang lengkap dan melepas peringkat saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- 6) Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan boleh dikemukakan kepada:

Encik Azizi bin Ismail / Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir  
Telefon: 03-9769 6943

## MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam **(6) bulan** selepas tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

**Pejabat Pendaftar  
UPM**